

## **Penjawat awam perlu bebaskan diri dari politik**

Utamakan kecemerlangan pentadbiran kerajaan demi negara tercinta ini

June 10, 2019 1:47 pm

AYER KEROH 10 Jun – Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggesa para penjawat awam membebaskan diri dari parti pemerintah dan kekal menjalankan tugas sebagai pentadbir dengan sempurna.

Beliau berkata, budaya patuh kepada parti pemerintah sejak UMNO memerintah 61 tahun yang menyaksikan pelbagai peruntukan ganjil dan tidak pernah berlaku dalam negara perlu diubah,

Katanya dia yakin negara mampu ditadbir dengan baik, jika pentadbir awam dapat memisahkan ikatan yang terlalu kuat bersama kerajaan walaupun bekerja di bawah parti pemerintah dan mengambil sikap berkecuali.

“Pentadbiran awam hendaklah teruskan kerja mereka sebagai pentadbiran yang berkecuali daripada politik parti sebaliknya menjalankan tugas mereka sebagai pentadbiran awam bagi menjayakan segala dasar dan tindakan diambil kerajaan baharu.

“Saya percaya, bahawa semua pentadbir awam faham akan pengecualian mereka dari terlibat secara langsung dalam politik parti yang memerintah dan kita sedar akan perkara itu

“Maka dapat kita jalankan tugas dengan sempurna bukan saja menjayakan pemerintah baru, tetapi juga untuk negara dan bangsa kita,” katanya pada Majlis Ucaptama bersama Penjawat Awam di Seri Negeri di sini sebentar tadi.